

Menteri penerangan negara OIC diperjelas kemelut PM, Mahathir

SERDANG 17 Sept. – Menteri-menteri Penerangan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah diberikan penjelasan berhubung ketegangan hubungan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang baru pulang menghadiri Mesyuarat Menteri Penerangan OIC di Jeddah, Rabu lalu berkata, mereka sudah dimaklumkan bahawa masalah itu adalah perkara kecil yang sama sekali tidak menggugat UMNO mahupun kestabilan politik negara.

UM-18/9/2006
“Banyak soalan diajukan apabila saya bertemu dengan mereka kerana mereka tidak mahu konflik tersebut memecahbelahkan umat Islam Malaysia.

“Rasa hormat mereka kepada Dr. Mahathir amat tinggi dan dalam masa yang sama, mereka yakin terhadap kepimpinan Abdullah dan mahu masalah itu ditangani sebaik mungkin,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis penutup Seminar Memartabatkan Jati Diri Melayu anjuran bersama Biro Pendidikan, Biro Latihan, Biro Penerangan UMNO Bahagian Puchong dan Jabatan Hal

Ehwal Khas (JASA) Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Tambahnya, beliau telah menerangkan kepada menteri-menteri tersebut bahawa ia adalah masalah biasa parti dan tidak besar sebagaimana digambarkan oleh media mereka.

Jelasnya, masalah memang wujud, namun kepimpinan Abdullah tetap kukuh melalui sokongan rakyat dan tiada perpecahan yang berlaku dalam kalangan ahli UMNO.

“Mereka lihat Malaysia sebagai negara Islam yang mempunyai sistem politik kukuh dan stabil serta wajar diteladani kepimpinan negara OIC yang lain dan tidak mahu imej itu terjejas,” katanya.